

KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA PENDIDIKAN JARAK JAUH TERBUKA (ODL) BAGI PROGRAM DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA DI FSSR UITM CAWANGAN KELANTAN

THE EFFECTIVENESS OF TEACHING AND LEARNING THROUGH OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) FOR DIPLOMA OF ART AND DESIGN PROGRAMS, FACULTY OF ART & DESIGN UITM KELANTAN BRANCH

Muhammad Faiz Iskandah¹

Mohd Zamani Daud²

Mohd Hakim Mohd Sharif³

Nur Syafinaz Mohd Anuar⁴

¹Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
(E-mail: faiz148@uitm.edu.my)

²Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
(Email: zamani266@uitm.edu.my)

³Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
(E-mail: hakim431@uitm.edu.my)

⁴Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
(E-mail: syafinaz342@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 15-4-2021

Revised date : 16-4-2021

Accepted date : 29-4-2021

Published date : 31-5-2021

To cite this document:

Iskandah, M. F., Daud, M. Z., Mohd Sharif, M. H., & Mohd Anuar, N. S. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Secara Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL) Bagi Program Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka Di FSSR Uitm Cawangan Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(36), 47 – 59.

Abstrak: Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti tiga faktor utama iaitu, 1) Melihat kesediaan pelajar Jabatan Seni Reka Logam Halus (AD113) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara pendidikan jarak jauh terbuka (ODL), 2) Menenalpasti kriteria reka bentuk projek baharu bagi kursus JMD354 seiring dengan ODL dan 3) Mengukur kebolehpelajaran pelajar bagi kursus JMD 354 yang dijalankan secara ODL. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mencapai matlamat kajian dengan menggunakan survei atas talian untuk mengumpul maklumat dan menjawab tiga faktor utama di atas. Soal selidik merupakan instrumen kajian akan melibatkan pelajar tahun akhir Jabatan Seni Reka Logam Halus, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka iaitu seramai 30 pelajar. Tujuan utama projek baharu ini direka untuk memastikan semua pelajar dapat menyiapkan projek yang ditugaskan serta memenuhi hasil pembelajaran program (PLO) dimana pelajar berkeupayaan merancang dan menjalankan proses fabrikasi reka bentuk produk. Fokus penyelidikan adalah melihat keupayaan pelajar menghasilkan projek baharu yang direka khusus iaitu teko teh untuk

disesuaikan dengan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara pendidikan jarak jauh terbuka (ODL). Hasil kajian mendapati projek baharu ini boleh dikategorikan sebagai amat berjaya kerana semua pelajar dapat menyiapkan semua tugasan yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kata Kunci: *Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) - Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL) - Fakulti Seni Lukis & Seni Reka*

Abstract: *This research was conducted to identify three main factors, 1) Determine the readiness of the students from the Department of Fine Metal Design (AD113) in teaching and learning through open distance learning (ODL). 2) Identify the new design criteria implementation for the JMD354 course in line with open distance learning (ODL). 3) Measure the student capability for the JMD354 related to open and distance learning (ODL). Quantitative methods are used to achieve research goals by using online surveys to collect information and answer from the three major factors above. The questionnaire was a research instrument involving the final year student from the Department of Fine Metal Design (AD113), Faculty of Art & Design of 30 students. The main purpose of this new project is designed to ensure that all students are able to finish the project and achieve the program's learning outcomes (PLOs) where the students are able to plan and implement the product design fabrication processes. The focus of research is to determine the ability of students to produce new final projects design from a teapot in line with the open and distance learning (ODL) method. The results of the study found that this new project can be categorized as very successful because all students are able to complete all the assignments given in the specified time.*

Keywords: *Teaching and Learning (PdP) – Open and Distance Learning (ODL) – Faculty of Art & Design*

Pengenalan

Disebabkan pandemik COVID-19 yang telah menjadi satu krisis kesihatan yang dahsyat pada abad ke-21 dan telah mengganggu semua aktiviti kemanusiaan termasuklah sistem pendidikan negara. Hasil daripada itu semua institusi termasuklah UiTM mula memperkasakan Pembelajaran Jarak Jauh Dalam Talian atau lebih dikenali ODL. Pendekatan ODL di peringkat UiTM bermula dari 13 April 2020 hingga sekarang (Musa, A. H., et al 2020).

Menurut Rafizah Kechil et al, (2020), Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (Open and Distance Learning, ODL) iaitu pengajaran yang dikendalikan oleh seseorang dalam masa yang sama dan ruang yang berbeza dari pelajar. Ianya bertujuan untuk merangkumi dimensi keterbukaan dan fleksibiliti yang lebih besar, samaada dalam soal akses, kurikulum atau lain-lain struktur elemen.

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan 11 anjakan yang perlu dicapai bagi merealisasikan peningkatan kualiti pendidikan yang diharapkan oleh rakyat Malaysia pada masa kini. Fokus utama adalah untuk memastikan sistem pendidikan berkualiti tinggi searus dengan pembangunan sosial dan ekonomi dalam persaingan global pada hari ini. Perlaksanaan ODL didalam sektor pendidikan disambut baik oleh semua institusi pendidikan dengan

menggunakan penyampaian pembelajaran melalui teknologi digital atas talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Muhammad Faizal Samat et al (2020), UiTM telah menjadikan fleksibiliti dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai ciri penting dalam pelaksanaan ODL yang merujuk kepada akses maklumat serta pelbagai sumber dipermudah bagi membolehkan pembelajaran dalam talian dijalankan pada bila-bila masa, di mana sahaja mengikut keselesaan pelajar.

Program Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka Di FSSR UiTM Cawangan Kelantan juga tidak terkecuali membuat persediaan yang sewajarnya bagi melaksanakan kaedah PdP secara ODL. Semua kod kursus perlu dijalankan sefleksibel yang mungkin untuk disesuaikan dengan konsep ODL ini. Kursus Pembentukan Reka Bentuk Barangan Logam (JMD 354) melaksanakan inisiatif tersendiri bagi memenuhi keperluan ODL sepertimana yang dikehendaki oleh pihak pengurusan UiTM.

Penyataan Masalah

Keperluan pelajar semester akhir menghasilkan produk adalah amat penting walaupun dalam keadaan pandemic Covid19 seluruh dunia. Menurut Azahar Harun et al (2008), sebagaimana yang dinyatakan oleh Lindstorm 1994 iaitu tahap keupayaan seseorang pelajar itu memahami sesuatu perkara yang diajar adalah 75% lebih tinggi sekiranya ia melihat, mendengar dan membuat berbanding 20% bagi mereka yang hanya melihat dan 40% bagi mereka yang hanya melihat dan mendengar.

Bagi mengelakkan penularan virus ini, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang bermula dengan fasa pertama 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Perintah kawalan selama 14 hari itu dibuat mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 yang akan membabitkan pertamanya larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya (Berita Harian, 2020).

Antara sektor yang terjejas adalah pendidikan yang mana selepas pengisytiharan PKP, sekolah dan pusat pengajian tinggi ditutup serta merta (Najmi Syahiran Mamat, 2020). Justeru, bagi mempermudah urusan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad menyarankan semua institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta bertindak melaksanakannya secara dalam talian dalam menghadapi wabak COVID-19.

Menurut Bernama (2020), jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan. Masalah utama dalam melaksanakan proses PdP dalam talian ini adalah capaian internet dinegara kita yang masih lemah disesetengah kawasan. Kenyataan ini di sokong oleh Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran mengakui penggunaan pembelajaran dalam talian di peringkat universiti belum lagi sampai ke tahap maksimum.

Selain itu, menurut Presiden Majlis Profesor Negara, Profesor Datuk Dr Raduan Che Rose terdapat lebih kurang 1.2 juta pelajar universiti dan politeknik serta mendapati lebih 30 peratus dari bilangan mereka tidak memiliki akses kepada kemudahan yang diperlukan untuk pembelajaran atas talian. Pelajar ini juga secara keseluruhannya masih belum bersedia

termasuk aspek mental, kelengkapan fasiliti dan persekitaran tidak kondusif untuk proses pembelajaran secara atas talian (Muhammad Amnan Hibrahim, 2020).

Pendidik abad ini perlu belajar menjadi sefleksibel mungkin dan mencipta sesuatu teknik pengajaran secara terbuka berdasarkan kebolehcapaian pelajar tanpa mengambil ringan soal kemenjadian pelajar itu sendiri (Wan Hartini Wan Zainodin, 2020)

Menurut Rafizah Kechil et al, (2020), pensyarah perlu bijak mengadaptasi norma baharu sebagai satu peluang untuk meneroka kaedah penyampaian pembelajaran secara digital sepenuhnya. Pensyarah dapat meneroka kaedah penyampaian PdP yang sesuai dengan pelajar mereka. Kreativiti dan kemahiran para pensyarah dapat dicungkil dalam menyesuaikan diri dengan norma-norma baru supaya proses PdP berlangsung dengan jayanya. Cabaran berhadapan dengan norma baharu disebabkan krisis pandemik COVID-19 tidak seharusnya menjadi penghalang kepada para pelajar dalam menimba ilmu kerana pelbagai alternatif disediakan oleh pihak universiti.

Matlamat

Melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) projek baharu kursus Pembentukan Reka Bentuk Barangan Logam (JMD354) secara pendidikan jarak jauh terbuka (ODL) bagi program Diploma Senireka Logam Halus (AD113) FSSR UiTM Cawangan Kelantan

Objektif

Objektif utama penyelidikan ini ialah untuk:

1. Melihat kesediaan pelajar tahun akhir program AD113 dalam PdP kursus JMD354 secara ODL
2. Mengenalpasti kriteria reka bentuk dan produk baharu kursus JMD354 sepanjang ODL dijalankan.
3. Mengukur kebolehcapaian pelajar bagi kursus JMD354 yang dijalankan secara ODL.

Kajian Literatur

Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL)

Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL) terbahagi kepada dua kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) iaitu *synchronous* dan *asynchronous*. *Synchronous* merujuk kepada interaksi elektronik yang berlaku secara segerak dalam masa nyata atau secara langsung pada masa itu. *Asynchronous* pula merujuk kepada interaksi elektronik yang berlaku secara tidak segerak atau mod tertangguh (BHEA UiTM, 2020).

PdP secara atas talian merupakan kontra kepada pertemuan bersemuka dan bukanlah perkara asing di Universiti. Menghadapi perubahan gaya pembelajaran seperti ini tidaklah mudah iaitu pelajar mesti memaklumkan kepada pensyarah tentang keupayaan akses internet mereka. Ini amat penting bagi memastikan pensyarah tidak pukul rata dalam melaksanakan PdP atas talian. Dalam pada itu, dengan keterbatasan pergerakan, pelajar hendaklah memanfaatkan sepenuhnya sumber atas talian, misalnya buku elektronik, You Tube dan kalkulator saintifik. Mengambil kira cabaran sama ada para pelajar kini masih berada di kampus atau telah berada di rumah, mereka mesti lebih berdisiplin kerana tidak perlu ke dewan kuliah tetapi hanya perlu duduk di depan komputer atau bersama telefon bimbit bagi mengikuti pengajian (Afandi Bin Ahmad, 2020).

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) boleh dikatakan sudah mantap untuk "online learning" memenuhi arahan KPT kerana telah mendapat akreditasi MQA (Agensi Kelayakan Malaysia) untuk pelaksanaan Open and Distance Learning (ODL). Walaubagaimanapun, dalam situasi kritikal dan berbahaya sekarang, sistem MyGuru yang telah dibangunkan oleh UPSI perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pensyarah dan pelajar kerana apa yang penting PdP dilaksanakan dan tugas dapat disiapkan. Dengan system ini, pensyarah boleh memuat naik rakaman video dan terus berinteraksi dengan pelajar dari rumah sahaja. Semua pensyarah telah diberi latihan-latihan berkaitan antaranya Massive Open Online Learning (MOOC), Open Educational Resources (OER), Flipped Classroom sejak 2018 bagi melengkapkan pensyarah untuk menjalankan sesi PdP secara atas talian (Astro Awani, 2020).

Menurut Anuar Ahmad, pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan seluruh negara ia telah menjadi suatu keperluan bagi system pendidikan. Beliau menjelaskan, apabila kerajaan melanjutkan tempoh PKP yang sepatutnya berakhir pada 31 Mac kepada 14 April, pembelajaran dalam talian adalah pilihan terbaik kerana kebanyakan pelajar masih berada di rumah masing-masing (BERNAMA, 2020).

Manakala menurut Commonwealth of Learning (2003), ODL adalah merujuk kepada pendidikan dan latihan di mana penggunaan sumber pembelajaran tanpa menghadiri sesi kelas dibilik darjah, ialah ciri utama pengalaman pembelajaran.

Kaedah pembelajaran secara ODL sebenarnya sudah mula mendapat tempat di negara-negara barat seawal tahun 1970an lagi. Kaedah ini tidak terhad kepada pembelajaran secara dalam talian semata-mata malah lebih dari itu. Situasi tersebut tentunya mencetuskan perubahan drastik terhadap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta dan terpaksa menerima hakikat bahawa anjakan perlu dilakukan seiring dengan perubahan dunia pengajian tinggi dalam menghadapi pandemik global (Wan Hartini Wan Zainodin, 2020).

Menurut mantan Naib Canselor UiTM (2020), pensyarah dan pelajar perlu lebih bersedia dan bersikap positif dengan cabaran pandemik covid19 yang dihadapi. Segala perancangan dan pelaksanaan pembelajaran perlu diubah, disesuaikan dan lebih kreatif bagi memenuhi kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan secara dalam talian atau secara jarak jauh.

Reka Bentuk Barangan Logam

Seni pembuatan barangan kraf logam sudah mula diperkenalkan sejak abad ke 20. Di Malaysia, seni pembuatan barangan logam seperti tembaga mula bertapak kebanyakannya di negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu. Seni pembuatan barangan tembaga ini memfokuskan kepada barangan perhiasan dan barangan kegunaan aktivi harian seperti dulang, tepak sirih, teko, pasu, spittoon, lampu minyak dan tempat pembakar kemenyan yang banyak diterapkan dalam budaya tradisional masyarakat Melayu. (Datuk Syed Ahmad Jamal 2007, Marthe Le Van 2007, Rachael Field 1988)

Petukang seni barangan logam berjaya mempraktikkan pelbagai teknik pembuatan dalam proses penghasilan barangan kraf tembaga. Teknik pembuatan barangan logam yang dipraktikkan adalah bersesuaian dengan bahan dan fungsi yang digunakan dalam produk

barangan logam ini. Jenis bahan yang menjadi fokus utama oleh petukang adalah seperti tembaga merah, tembaga kuning dan perak. Pemilihan jenis bahan ini bergantung kepada sifat dan fungsi sesuatu produk yang ingin dihasilkan (Ronald Pearsall 1997, Oppi Untracht 1968). Pelbagai proses yang menarik telah dipraktikkan didalam pembuatan barangan tembaga. Antaranya seperti teknik *sinking*, *raising*, *seaming*, *planishing*, *bending* dan *folding*, *casting*, *finishing* dan *polishing*. Kesemua proses pembuatan ini secara asasnya dipraktikkan secara manual ataupun dengan proses pembuatan tangan oleh petukang itu sendiri (Keith Smith, 2000, Tim Mc Crieght 1991, Rupert Finegold, 1983).

Menurut Pickless (1997), teko teh merupakan sebuah bekas yang kecil, rendah dan mempunyai muncung (*spout*) serta pemegang yang berfungsi untuk menuangkan air teh untuk dihidangkan kedalam cawan yang bersaiz kecil juga. Saiz teko teh berukuran kecil kerana air teh yang bersifat mahal. Angaran saiz teko teh adalah sekitar 11.5cm sehingga 15 cm sahaja. Manakala teko kopi pula mempunyai saiz yang lebih besar, tinggi serta mempunyai muncung (*spout*) dan pemegang yang digunakan untuk menghidangkan kopi (Feild, 2001).



Gambar 1: Teko Teh

Sumber: Pearsall, R. (1997). *A Connoisseur's Guide to Antique Silver*. Twickenham: Tiger Books International London.

Reka Bentuk dan Kriteria Produk

Reka bentuk adalah proses untuk membuat dan mencipta yang baru. Ia juga bermaksud membuat perancangan dari segi corak dan bentuk yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu binaan. Visual estetik dan tarikan luaran produk merupakan elemen penting bagi reka bentuk dan memainkan peranan dalam persepsi awal pengguna serta penilaian dan pemilihan sesuatu produk (Nuraini Mahmud, 2017).

Menurut Marzuki Ibrahim (2011:142), terdapat dua jenis penilaian produk sedia ada di pasaran iaitu 1) penilaian reka bentuk dan 2) penilaian produk. Bagi penilaian reka bentuk produk adalah perkara yang berkaitan dengan penampilan visual, bentuk dan fungsi, kepelbagaian pilihan reka bentuk, kepelbagaian pilihan warna, telesis, inovasi dan jangka hayat. Manakala bagi penilaian produk pula adalah berkaitan fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan, ergonomik, pembungkusan, harga jualan, dan penyelenggaraan.

Nur Syafinaz Mohd Anuar, Nor Azlin Hamidon dan Mohd Zamani Daud (2019) dalam kertas kerja bertajuk Jewellery Product quality evaluation based on the buyer's choice of Kelantanese

Women juga bersependapat dengan Marzuki Ibrahim dengan menyatakan terdapat beberapa faktor yang mendorong wanita melayu Kelantan untuk membeli barang kemas. Faktor-faktor ini adalah reka bentuk yang menarik & inovatif, kualiti yang lebih baik, kepelbagaian pilihan, ketahanan, ringan, ergonomik dan harga yang berpatutan.

Kriteria produk bagi kursus JMD 354 secara bersemuka (F2F) dan pendidikan jarak jauh terbuka (ODL) menggunakan penilaian produk sedia ada di pasaran sebagaimana yang diterangkan oleh Marzuki Ibrahim iaitu sebanyak tujuh (7) kriteria bagi penilaian reka bentuk dan lapan (8) kriteria bagi penilaian produk.

Kursus Pembentukan Reka Bentuk Barangan Logam (JMD 354)

Merujuk Faculty of Art and Design (2020), kursus ini merupakan kursus wajib bagi pelajar diploma tahun akhir semester 05 dalam Jabatan Seni Reka Logam Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTMCK. Kursus ini bertujuan melihat keupayaan pelajar terhadap taklimat projek (*brief project*) dan melihat kefahaman mereka mengenai kemahiran reka bentuk produk dan proses fabrikasi produk. Pelajar akan menunjukkan kemahiran merancang dan membuat produk barang logam dari proses pengembangan idea, pembinaan, fabrikasi, pengekosan, dan dokumentasi.

Terdapat empat (4) hasil pembelajaran kursus ini iaitu 1) Pelajar mampu menghasilkan rekaan produk barangan logam. 2) Berkeupayaan menghasilkan produk barangan logam yang kompleks. 3) Menyusun prosedur kerja projek barangan logam dengan kemas dan teratur. 4) Memperlihatkan minda keusahawanan dalam projek reka bentuk barangan logam.

Metodologi Penyelidikan

Reka Bentuk Penyelidikan

Kaedah kuantitatif menggunakan borang kaji selidik (survei) diedarkan kepada 30 pelajar tahun akhir program Diploma Senireka Logam Halus untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) projek baharu kursus Pembentukan Reka Bentuk Barangan Logam (JMD354) secara pendidikan jarak jauh terbuka (ODL). Kaedah kuantitatif dianggap sesuai dengan penyelidikan ini memandangkan keputusan yang akan dicapai menggunakan kaedah ini akan lebih bermakna, jitu dan kaya dengan maklumat penting (lihat Miles and Huberman 1994).

Sumber Data

Himpunan data dijalankan dalam dua fasa. FASA 1: kajian literatur merangkumi pengumpulan maklumat dari perpustakaan, pusat penyelidikan, jurnal, buku teks dan internet. Ia juga membantu penyelidik dalam pembinaan fasa 2 iaitu dalam kajian soal selidik. FASA 2: Soalan pokok (*key questions*) yang diutarakan berkisar kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) projek baharu kursus JMD354 sepanjang tempoh ODL dijalankan.

Perkembangan Soalan Kaji Selidik


Sebelum pembinaan soalan soal selidik, penyelidik telah membuat kajian semula (*review*) yang ekstensif terhadap beberapa penyelidikan yang telah mengaplikasikan soalan kaji selidik sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Perkembangan soalan kaji selidik yang digunakan oleh Mohd Zamani Daud (2011) diambil sebagai model dan diubahsuai agar bersesuaian dengan kajian penyelidikan.

Berdasarkan perbincangan dikalangan pensyarah yang mengajar, satu produk baharu yang sesuai telah dicadangkan bagi memenuhi PdP secara ODL yang akan ditempuhi oleh para pelajar bagi menggantikan projek kursus JMD 354 secara bersemuka (F2F). Produk baharu dicadangkan disebabkan beberapa masalah yang dihadapi oleh para pelajar iaitu kekangan dari segi penggunaan mesin dan peralatan bengkel pertukangan logam seperti tempat pembakaran, *etching machine*, *drill machine*, *sand blasting machine*, *hand shear* dan *raising hammer and stake*. Perbezaan antara produk kursus JMD 354 secara bersemuka (F2F) dan secara ODL adalah seperti Jadual 1 dibawah.

Jadual 1: Perbezaan antara produk secara bersemuka (F2F) dan secara ODL

Bil	Perkara	F2F	ODL
1	Produk	<i>Tea Set (Tea Pot, Sugar Container, Milk Container) atau Coffee Set (Coffee Pot, Sugar Container, Milk Container)</i>	<i>Tea Pot</i>
2	Ukuran	Bebas (15 cm X 15 cm)	Tetap (Mengikut TDD)
3	Bahan	Badan (Tembaga Merah, Tembaga Kuning) Pemegang (Kayu, Plastik dan sebagainya)	Badan (Tembaga Merah) Pemegang (Kayu)
4	Teknik Pembetulan	<i>Doming, Raising, Bending dan Seaming</i>	<i>Bending</i>
5	Teknik Cantuman	<i>Silver Soldering</i>	<i>Lead soldering</i>
6	Rekacorak	<i>Piercing, Etching</i>	Tiada
7	Kekemasan Akhir	<i>Nickle Plating</i>	Tiada

Cadangan produk baharu bagi kursus JMD354 yang akan dijalankan secara ODL adalah seperti gambarajah 1 dibawah.



Gambarajah 1: Cadangan Produk Baharu Kod Kursus JMD354

Berdasarkan kepada maklumat tersebut, draf soalan kaji selidik dihasilkan. Soalan kaji selidik dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu:

Bahagian A: Maklumat Am / Profil Demografi. (Soalan 1 hingga 4). Maklumat tentang nama, no pelajar, alamat dan email pelajar.

Bahagian B: Kesiediaan Pelajar Dalam P&P Secara ODL (Soalan 1 hingga 3) Maklumat berkaitan Kemudahan Capaian Internet, Nilai capaian internet di rumah, Peranti yang digunakan dan platform alternatif yang digunakan semasa ODL.

Bahagian C: Persepsi Pelajar Terhadap Kriteria Rekabentuk Produk Baharu. (Soalan 1 hingga 10) Maklumat berkaitan kriteria rekabentuk (*Design*) iaitu penampilan visual, bentuk & fungsi, estetik, inovasi dan jangka hayat. Maklumat berkaitan kriteria produk (*Product*) iaitu fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan dan ergonomi.

Bahagian D: Kebolehcapaian Pelajar Terhadap Proses Rekabentuk Produk Baharu (Soalan 1 hingga 5). Maklumat berkaitan proses pembuatan, proses cantuman, bahan, peralatan dan tempoh masa.


Analisa dan Penemuan

Analisa penemuan boleh dibahagikan kepada 3 perkara utama iaitu:

1. Kesianan pelajar dalam PdP secara ODL


Kebanyakan responden memilih menggunakan kemudahan capaian internet di rumah (36.7%) sebagai pilihan diikuti hotspot mudah alih 30% dan jalur lebar juga dengan 30% pilihan. Sebanyak 46.7% responden mempunyai capaian internet yang stabil di rumah dan hanya 23% mempunyai rangkaian internet yang tidak stabil. Walaubagaimanapun, tiada responden yang tidak mempunyai rangkaian internet di rumah mereka. Komputer riba menjadi peranti utama PdP responden iaitu sebanyak (80%) dan diikuti dengan telefon pintar 20%. WhatsApp, Google Meet dan Google Classroom menjadi platform alternatif cemerlang bagi kebanyakan responden.

2. Persepsi pelajar terhadap rekabentuk produk baharu



Gambar rajah 2: Kriteria Penilaian Terhadap Reka Bentuk (*Design*) Produk Baharu Kod Kursus JMD354.


Kriteria penilaian reka bentuk (*design*) mendapati kebanyakan responden memilih setuju untuk semua indikator penampilan visual, bentuk & fungsi, estetik, inovasi dan jangka hayat. Tiada responden yang memilih tidak setuju untuk indikator bentuk & fungsi dan inovasi bagi rekaan produk ini. Terdapat juga responden yang memilih tidak setuju untuk indikator penampilan visual, estetik dan jangka hayat.



Gambar rajah 3: Kriteria Penilaian Terhadap Produk (*Product*) Baharu Kod Kursus JMD354.

Manakala bagi kriteria penilaian produk mendapati mendapati kebanyakan responden untuk memilih setuju untuk semua indikator iaitu fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan dan ergonomi. Didapati tiada responden yang memilih tidak setuju bagi indikator kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan dan ergonomi.

3. Kebolepercayaan pelajar terhadap proses reka bentuk produk baharu



Gambar rajah 4: Kebolepercayaan Pelajar Terhadap Proses Reka bentuk Produk Baharu Kod Kursus JMD354.

Kebanyakan responden memilih senang bagi kebolepercayaan pelajar terhadap proses rekabentuk produk baharu dari segi proses pembuatan, bahan, peralatan dan tempoh masa yang diberikan. Terdapat responden memilih sukar untuk indikator proses pembuatan, proses cantuman, bahan dan tempoh masa. Terdapat juga responden yang memilih sangat sukar bagi indicator proses cantuman.

Rumusan dan Cadangan

Kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara pendidikan jarak jauh terbuka (ODL) dikalangan pelajar tahun akhir Diploma Jabatan Senireka Logam Halus, FSSR UiTM Cawangan Kelantan tidak mempunyai masalah yang besar kerana semua pelajar mempunyai akses rangkaian internet di rumah masing-masing. Kebanyakan pelajar menggunakan komputer riba sebagai peranti utama disamping telefon pintar dan platform alternatif yang cemerlang bagi mereka adalah *WhatsApp*, *Google Meet* dan *Google Classroom*.

Persepsi pelajar terhadap rekabentuk produk baharu yang dicadangkan adalah baik dan mampu dihasilkan samada dari segi kriteria rekaan dan kriteria produk. Kebanyakan pelajar memilih untuk bersetuju dengan semua kriteria rekaan iaitu penampilan visual, bentuk & fungsi, estetik, inovasi dan jangka hayat yang dicadangkan. Semua pelajar juga bersetuju dengan semua kriteria produk yang dicadangkan iaitu fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan dan ergonomic.

Semua pelajar menyatakan senang terhadap proses rekabentuk produk baharu yang dicadangkan iaitu dari segi proses pembuatan, bahan, peralatan dan tempoh masa yang diberikan. Walaubagaimanapun terdapat juga pelajar yang mengalami kesukaran dari segi proses cantuman kerana menggunakan pateri timah untuk pertama kali bagi proses cantuman.

Berdasarkan keputusan peperiksaan akhir Februari 2021, didapati graf keputusan markah peperiksaan berada pada tahap yang sangat memuaskan dimana terdapat pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang, sederhana dan tiada pelajar gagal bagi kursus JMD354. Gred keputusan peperiksaan bagi 30 pelajar adalah seperti berikut iaitu A (4 pelajar), A- (6 pelajar, B+ (10 pelajar) dan B- (10 Pelajar).

Penilaian akhir kursus ini telah dijalankan di Jabatan Seni Reka Logam Halus UiTM Cawangan Kelantan pada 16 Mei 2020. En Abdul Hakkan Hafiz Abdain daripada Jabatan Seni Reka Logam dan Kontemporari bagi program Ijazah Sarjana Muda UiTM Shah Alam telah dilantik sebagai Moderator luar bagi memantau penilaian projek tahun akhir. Berdasarkan laporan beliau, semua pelajar mampu menyiapkan projek baharu yang telah diberikan dalam tempoh jangkamasa yang ditetapkan. Hasil produk akhir yang ditunjukkan sangat baik dan memuaskan walaupun PdP secara ODL.

Sebagai kesimpulan, projek baharu ini boleh dikategorikan sebagai amat berjaya kerana semua pelajar dapat menyiapkan semua tugas yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu selama enam minggu. Pelajar dapat menyiapkan produk dikediaman masing-masing tanpa peralatan bengkel yang lengkap sebagaimana biasa. Projek baharu JMD354 ini boleh diteruskan untuk semester hadapan jika kaedah ODL masih diteruskan oleh UiTM bagi PdP. Kursus-kursus lain yang seumpama ini boleh mengguna pakai kaedah dan pendekatan yang telah dijalankan ini.

Rujukan

- Afandi Bin Ahmad (2020), *Cabaran COVID-19: Tanggungjawab Pensyarah Dan Pelajar Di Universiti*. Diperolehi pada 2 Mei 2021 dari URL: <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/04/cabaran-covid-19-tanggungjawab-pensyarah-dan-pelajar-di-universiti/>
- Ahmad Hj Mohamad, John Arul Philips, Santhi Raghavan, Wahid B Razzali (2013). Kod Amalan Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh. Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh (GGP-ODL), *Agensi Kelayakan Malaysia Tingkat 14b, Menara PKNS-PJ No. 17, Jalan Yong Shook Lin 46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan*.
- Astro Awani (2020), COVID-19: *Demi Keselamatan, Pelajar UPSI Kuliah Atas Talian*. Diperolehi 2 Mei 2021 dari URL: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-demi-keselamatan-pelajar-upsi-kuliah-atas-talian-235718>
- Azahar Bin Harun Haslinda Abd Razak Ariff Ali Faezal Muniran (2008). *Potensi Media Online Sebagai Medium Pengajaran & Pembelajaran Bagi Program Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka Di FSSR UiTM Melaka*.
- Berita Harian, (2020), COVID-19: Kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan mulai Rabu
- Bernama (2020), *Cabaran Mengajar Dalam Talian*, Kumpulan Karangkraf
- Bernama (2020), *Cabaran Mengajar Dalam Talian*. Diperoleh pada 2 Mei 2021 dari URL: <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>.
- Faculty of Art and Design (2020), *Silibus Course Metalware Design Project*. Diperoleh 2 Mei 2021 dari URL: <https://aims.uitm.edu.my/curriculum/index.cfm?action=allmodules>
- Feild, R. (1988). *Collector's Guide to Buying Antique Silver*. London: Greenwich Editions.
- Jamal, D. S. (2007). *Carft and the Visual Arts*. Telok Ayer Street: Archipelago Press.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. ISBN: 978-983-3444-53-3 Mac 16, 2020
- McCreight, T. (1991). *The Complete Metalsmith*. Massachusetts: Davis Publication, Inc.
- Mohd Zamani Daud, Marzuki Ibrahim, Nur Syafinaz Mohd Anuar (2011) Kefahaman dan Pilihan Batu Permata di Kalangan Lelaki Melayu di Kelantan. *2nd International Conference of Public Policies & Social Sciences*, 31 Oct - 1 Nov 2011, IIC Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Amnan Hibrahim, (2020), Sinar Harian 16 November 2020
- Muhammad Faizal Samat, Nur Amalina Awang, Siti Nor Adawiah Hussin, Farahiyah Akmal Mat Nawi (2020). Online Distance Learning Amidst Covid-19 Pandemic Among University Students: A Practicality of Partial Least Squares Structural Equation Modelling Approach, *Asian Journal of University Education (AJUE)*, Volume 16, Number 3, October 2020
- Musa, A. H., Rosle, A. N., Baharuddin, F. N., & Ibrahim, S. S. (2020). The Effectiveness of Online Distance Learning (ODL) Approach in University: A Respond of Covid-19 Pandemic Crisis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 10(9), 1069-1076.
- Naib Canselor UiTM (2020), *Mesej Naib Canselor Kepada Pelajar UiTM*, Circulars:covid19uitm, diperoleh 20 Mac 2021 dari URL: <https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/home>
- Najmi Syahiran Mamat (2020), Tiada aktiviti PdP bersemuka di kampus hingga 31 Disember kecuali 5 kategori pelajar – KPT, Astro Awani.
- Nur Syafinaz Mohd Anuar, Nor Azlin Hamidon, Mohd Zamani Daud (2019). Jewellery Product Quality Evaluation based on the buyer's choice of Kelantanese Women, Lecture Notes in Social Sciences, Art & Humanities, Malaysia Technical Scientist Association, Malaysia. eISBN: 978-967-2348-09-2. Hlmn 192-199.
- Nuraini binti Mahmud (2017). Eksplorasi Reka Bentuk dan Fungsi Beg Tidur Kompak untuk Aktiviti Rekreasi, *Ijazah Sarjana Seni (Seni Reka Perindustrian) Institusi Reka Bentuk dan Inovasi*, Universiti Malaysia Sarawak (UMS)
- Pearsall, R. (1997). *A Connoisseur's Guide to Antique Silver*. Twickenham: Tiger Books International London.
- Rafizah Kechil, Azlina Mohd Mydin, Wan Anisha Wan Mohammad (2020). Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (Odl): Adaptasi Norma Baharu Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran, *SIG: E-Learning@Cs*, ISBN: 978-967-0841-88-5
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Seitz, R. F. (1983). *Silversmithing*. Iola: Krause Publication.
- Smith, K. (2005). *Silversmithing A Manual of Design and Technique*. Ramsbury, Marlborough: The Crowood Press Ltd.
- Untracht, O. (1968). *Metal Technique for Craftmen*. New York: Doubleday & company. Inc.
- Van, M. L. (2007). *500 Metal Vessels Contem*. New York: Lark Books.
- Wan Hartini Wan Zainodin (2020). Open Distance Learning: Evolusi pembelajaran cabar keupayaan pendidik IPT? , Bernama. Diperoleh 10 Mac 2021 dari URL: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1846610>